



KENYATAAN MEDIA

SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN BHD (SATU)

2 Ogos 2025

PELARASAN KADAR TARIF AIR BERDASARKAN MEKANISME PENETAPAN TARIF BAGI TEMPOH PELAKSANAAN KE – 2 BAGI NEGERI TERENGGANU

Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada 25 Julai 2025 telah bersetuju ke atas permohonan Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (SATU) untuk Pelarasan Tarif Bekalan Air di bawah Mekanisme Penetapan Tarif [Tariff Setting Mechanism (TSM)] bagi tempoh pelaksanaan kedua (TP2) yang telah diwartakan pada 30 Julai 2025 dan berkuat kuasa 1 Ogos 2025.

Pelarasan tarif air di Negeri Terengganu merangkumi keseluruhan akaun pengguna termasuk pengguna domestik dan bukan domestik.

1.0 Kategori Domestik (Meter Individu)

Pengguna domestik dengan penggunaan sehingga 20 meter padu sebulan akan mengalami kenaikan sebanyak 8 sen setiap meter padu. Caj untuk penggunaan minima berubah kepada RM6.60 sebulan.

2.0 Kategori Bukan Domestik (Industri/Perniagaan)

Pelarasan bagi kategori ini mengambil kira kadar penggunaan yang tinggi serta keperluan infrastruktur yang lebih besar. Kadar yang diselaras mencerminkan kos sebenar operasi rawatan dan pengagihan air. 75 peratus pengguna bukan domestik menerima kenaikan purata sebanyak RM1.24 sen sehari dan masih dalam lingkungan munasabah dan kompetitif berbanding kadar sedia ada di negeri-negeri lain.

3.0 Rumah Ibadat dan Institusi Kebajikan

Tarif sedia ada dikekalkan sebagai tanda komitmen berterusan Kerajaan Negeri Terengganu dalam menyokong institusi keagamaan dan kebajikan yang memberikan manfaat kepada masyarakat.

4.0 Perkapalan

Bekalan air untuk kegunaan di atas kapal yang berlabuh di pelabuhan akan menerima kadar rata di seluruh Semenanjung Malaysia termasuk WP Labuan dan Negeri Terengganu iaitu sebanyak RM8.00 setiap meter padu (tidak termasuk caj elektrik)

5.0 Pusat Data

Kadar tarif bagi Pusat Data telah diselaraskan di seluruh Semenanjung Malaysia termasuk WP Labuan dan Negeri Terengganu iaitu RM5.30 setiap meter padu (tidak termasuk caj elektrik).

Subsidi Air

- Subsidi 20 meter padu air sebulan bagi isi rumah B40 dikekalkan.
- Penggunaan air di masjid dan surau yang berdaftar dengan JHEAT terus ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Terengganu melalui SATU.

Kerajaan Negeri Terengganu melalui SATU terus komited memperkukuh institusi keagamaan dan kebajikan rakyat. Subsidi sedia ada bukan sahaja diteruskan, malah ditingkatkan daripada **RM2.5 juta kepada RM3.0 juta setahun** — dan keseluruhan kos ini ditanggung sepenuhnya oleh SATU dan Kerajaan Negeri Terengganu.

Komitmen SATU

SATU memperuntukkan sekitar **RM50 juta setiap tahun** bagi memperkukuh pembangunan infrastruktur bekalan air. Inisiatif ini mencerminkan komitmen SATU dalam memastikan bekalan air yang stabil, berkualiti dan mampan demi kesejahteraan rakyat serta menyokong pertumbuhan ekonomi Negeri Terengganu secara menyeluruh. Antaranya ialah:

- **Membina dan menaik taraf Loji Rawatan Air** bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran serta kualiti air terawat yang dibekalkan kepada pengguna.
- **Membaik pulih dan menaik taraf sistem agihan** bagi memastikan pengaliran air yang lebih efisien dan mengurangkan gangguan bekalan.
- **Mengurangkan kadar Air Tidak Terhasil (Non-Revenue Water, NRW)** melalui program pemantauan kebocoran, penggantian paip lama, dan pelaksanaan teknologi pintar dalam sistem agihan.

Pelaksanaan pelarasan ini mencerminkan komitmen Kerajaan dalam menangani isu berkaitan perkhidmatan bekalan air secara menyeluruh dan berterusan, demi memastikan kesejahteraan rakyat serta kelestarian sistem bekalan air di Negeri Terengganu.

Ts. HAJI ABDUL KARIM BIN ENDUT

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN BHD (SATU)